



River Guardian Boat lancarkan pembersihan sungai 'Penjaga' Sungai Melaka



TRIVIA RIVER GUARDIAN BOAT

- 1 Inovasi UTeM dengan kerjasama PPSPM
- 2 Berkorsep bot bersih sisa sampah di sungai
- 3 Mampu kesan pencemaran
- 4 Terap teknologi AI, IoT
- 5 Ringankan beban petugas pembersihan

AB Rauf diringi kenamaan melihat fungsi 'River Guardian Boat' yang dapat berfungsi mengawal sampah di Sungai Melaka. Foto Muhammad Rasul Azli Samad

Mohamad Fazrul Abdul Majid dan Uana Sahabudin

PENGKALAN BATU-Kelestarian Sungai Melaka dapat terus dikekalkan kepada generasi akan datang apabila sebuah inovasi yang diberi nama 'River Guardian Boat' berjaya dicipta.

Berkonsepsikan bot pem-

bersihan sisa sampah, ia merupakan hasil inovasi Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di bawah Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM).

Simbolik penyerahan

bot tersebut telah disempurnakan Ketua Menteri Dotuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh bersempena Majlis Perasmian Program Wakil Rakyat Untuk Rakyat (WRUR) Pengkalan Batu, di Jeti PPSPM Melaka Sentral di sini, 23 Februari lalu.

Menurut Pengarah Program Ts. Mohd Idain Fahmy Rosley, River Guardian Boat merupakan antara sembilan projek inovasi dihasilkan 32 warga UTeM terdiri daripada warga kerja dan pelajarinya.

Jelas beliau, kesemua produk itu mempunyai pelbagai fungsi antaranya untuk mengutip sampah di sepanjang sungai dan pada masa sama ia juga dapat mengesan berlakunya pencemaran di Sungai Melaka.

"Seperti River Guardian Boat, ia berfungsi sebagai bot mengutip sampah di Sungai Melaka meliputi kawasan dari Taman Rempah hingga ke muara dan kita juga ada Labah Air yang direka bagi mengawal sampah-sampah kecil di mana ia akan ditempatkan di tiga fasa yang terdapat di Sungai Melaka.

"Selain itu, di sebelah Labah Air, akan ditempatkan Hydrox yang berfungsi mengawal pencemaran menerusi tiga jenis alat yang juga ditempatkan di tiga fasa Sungai Melaka, di mana sebarang berlakunya pencemaran ia akan menghantar signal ke 'control room' dan seterusnya menghantar 'drone surface' untuk mengesan lokasi pencemaran, selain



MAJLIS menandatangani jalinan kerjasama di antara PPSPM dan Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka. Foto Muhammad Rasul Azli Samad

'drone air' juga digerakkan untuk mengesan punca pencemaran.

"Pada masa sama, kita juga telah menghasilkan 'trash boom' mudah alih dengan harga lebih murah berbanding yang terdapat di pasaran, di mana alat ini berfungsi untuk membuat halangan di sungai dan sampah yang terkumpul akan disalurkan ke satu tempat untuk memudahkan kerja-kerja pembersihan," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Menurut Ts. Mohd Idain Fahmy, kesemua produk itu dihasilkan dengan penerapan teknologi kecerdasan buatan (AI) dan Internet of Things (IoT), sekali gus membuktikan bakat tempatan juga tidak kurang hebatnya.

Tambah beliau, menerusi produk inovasi seum-

pamanya, ia secara tidak langsung memberi impak kepada kesejahteraan komuniti, selain memastikan imej Melaka sebagai sebuah negeri pelancongan kekal terpelihara.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif PPSPM Shaharul Azuar Idris memaklumkan seramai 10 kakitangan unit pembersihan PPSPM akan ditugaskan bagi menjaga kebersihan serta kelestarian Sungai Melaka dengan bantuan River Guardian Boat.

Jelas beliau, inovasi itu sekali gus dapat mengurangkan beban kerja petugas pembersihan yang sebelum ini terpaksa membersihkan sisa dan sampah di Sungai Melaka menggunakan kaedah manual.

"Alhamdulillah dengan bantuan River Guardian

Boat kerja-kerja membersihkan Sungai Melaka menjadi lebih cepat, mudah dan efisien. Lebih membanggakan apabila inovasi ini turut mendapat perhatian dan pujian daripada Ketua Menteri.

"Fokus PPSPM adalah memastikan kelestarian Sungai Melaka sentiasa terpelihara, jadi teretus idea untuk bekerjasama dengan UTeM bagi menghasilkan produk inovasi yang bermanfaat ini," katanya.

Tambah Shaharul Azuar, PPSPM kini dalam proses untuk membeli bot baharu bagi melaksanakan inisiatif sama di Sungai Linggi dan Sungai Kesang.

"Kami mahu menjaga semua sungai di negeri kerana sungai adalah antara nadi utama sektor pelancongan Melaka," katanya.



LABAH Air antara produk inovasi yang dirangkumkan bersama 'River Guardian Boat' bagi menjaga kelestarian Sungai Melaka. Foto Muhammad Rasul Azli Samad



ANTARA 'orang kuat' dalam penghasilan produk inovasi River Guardian Boat.